TEKS HEBAHAN SEBELUM KHUTBAH JUMAAT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Para jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) akan menganjurkan **Majlis Nikah Jama'ie Syar'ie** yang akan berlangsung pada **26 Disember 2026**.

Pendaftaran kini dibuka kepada **30 pasangan terawal** yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- Salah seorang atau kedua-dua pengantin merupakan **warganegara Negeri Perak**;
- Berumur **18 tahun ke atas**;
- **Perkahwinan pertama**; dan
- Bersetuju dengan yuran penyertaan sebanyak **RM4,000 bagi setiap pasangan**.

Antara pakej yang disediakan termasuklah pengurusan **SPPIM dan borang nikah**, **upah nikah**, **kad dan sijil nikah berbingkai**, **jamuan beradab**, **set pelamin dan bunga pahar**, **penginapan hotel**, serta **khidmat jurugambar dan album perkahwinan**.

Tarikh tutup pendaftaran ialah pada 31 Ogos 2026.

Bagi mereka yang berminat atau ingin mendapatkan maklumat lanjut, bolehlah menghubungi:

Ustaz Hasif: 013-598 5727
Ustaz Aiman: 012-511 7262
Ustazah Huwaida: 011-6462 9371

Marilah kita bersama-sama memanfaatkan peluang ini untuk membina sebuah institusi keluarga yang diberkati Allah SWT melalui ikatan perkahwinan yang sah, tersusun dan berlandaskan syariat Islam.**Sekian, terima kasih.**

📢 **HEBAHAN SEBELUM KHUTBAH JUMAAT**

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) kini membuka **pendaftaran baharu Program Sijil Pengajian Masjid (SPM) Sesi 2026/2027**.

Program ini menawarkan pengajian Islam secara **berstruktur, sistematik dan bersilibus**, meliputi bidang Aqidah, Fiqh, Tafsir, Hadith, Tasawuf dan Sirah, serta dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berkelayakan.

⏰ Pengajian akan berlangsung pada **setiap hari Sabtu, jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang**.

💰 Yuran tahunan: **RM500 seorang**

🗓️ **Tarikh tutup pendaftaran: 31 Julai 2026**

📞 **Bagi yang berminat atau ingin mendapatkan maklumat lanjut, sila berhubung dengan urusetia di talian 012-511 7262 (Aiman Amin) atau pejabat masjid di 05-255 7964.**

✨ *Jangan lepaskan peluang untuk mendalami ilmu agama secara lebih tersusun dan berterusan demi membina kefahaman Islam yang mantap dalam kehidupan.*

Sekian, terima kasih.
Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak).

Amaran!
Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"PELIHARA AKIDAH - JAUHI SIHIR DAN BOMOH YANG MENYELEWENG"

24 Julai 2026 / 9 Safar 1448

الْحَمْدُ لِلَّهِ[1] الَّذِي أَرْسَلَ رَسُوْلَهُ بِالْهُدَى وَدِيْنِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّيْنِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللهِ شَهِيْدًا. أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ[2] وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ والتَّابِعِيْنَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ! اتَّقُوْا اللهَ[3] أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Segala puji bagi Allah yang memberi kita nikmat iman dan Islam yang bersih daripada syirik, khurafat dan kepercayaan yang menyesatkan. Tajuk khutbah pada hari ini:

"PELIHARA AKIDAH - JAUHI SIHIR DAN BOMOH YANG MENYELEWENG"

Sihir ialah perbuatan atau kejadian luar biasa yang dilakukan oleh manusia secara ghaib, yang melibatkan makhluk halus, bertujuan mempengaruhi atau menguasai alam dan manusia. Imam al-Jurjani berkata sihir ialah suatu perkara yang tersembunyi sebabnya, berlaku melalui tipu daya dan helah, yang menampilkan sesuatu seolah-olah benar, padahal hakikatnya tidak demikian.

Islam mengakui kewujudan sihir sebagaimana disebut dalam al-Quran, tetapi mempelajari, mengamalkan, mengajar atau menggunakan khidmat sihir adalah haram. Allah SWT menegaskan pengamal atau sesiapa yang terlibat dengan sihir tidak akan mendapat rahmat Allah di akhirat kerana perbuatan mereka yang menukar iman dengan kekufuran dan azab neraka yang pedih. Firman Allah SWT;

وَلَا يُفْلِحُ ٱلسَّاحِرُ حَيْثُ أَتَىٰ

[1] Memuji Allah
[2] Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW
[3] Pesan Taqwa

Maksudnya: "Dan tidak akan menang tukang sihir itu dari mana sahaja ia datang."
(Surah Taha ayat 69)

Sesungguhnya amalan sihir sering membawa kemudaratan, permusuhan dan kerosakan terhadap manusia. Rasulullah SAW menegaskan sihir sebagai salah satu daripada tujuh dosa besar yang membinasakan manusia. Baginda SAW bersabda:

اِجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ...

Maksudnya: "Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan." Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah perkara-perkara itu?" Baginda bersabda (antaranya ialah): "Syirik kepada Allah dan sihir… (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Istilah bomoh, juga dikenali sebagai pawang dan dukun secara umum bermaksud tabib atau perawat yang mengubati orang sakit dengan menggunakan ubat tradisional atau cara jampi dan mantera. Hukum mendapatkan khidmat bomoh untuk mengubati penyakit dinilai berdasarkan cara pengubatan yang digunakan. Islam mengiktiraf rawatan yang berasaskan doa, *ruqyah syar'iyyah*, penggunaan ubat-ubatan dan ikhtiar yang tidak bercanggah dengan syariat. Sabda Rasulullah SAW:

لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ تَكُنْ شِرْكًا

Maksudnya: "Tidak mengapa melakukan rukyah selagi tidak mengandungi unsur syirik." (Hadis Riwayat Muslim).

Islam membenarkan *ruqyah syar'iyyah,* iaitu rawatan;

Pertama: Menggunakan ayat al-Quran, nama dan sifat Allah, zikir atau doa yang baik, yang jelas perkataan serta difahami maknanya.

Kedua: Tidak mengandungi unsur syirik, pemujaan atau bantuan jin.

Ketiga: Disertai keyakinan bahawa yang menyembuhkan hanya kuasa Allah, bukan kerana kuasa bomoh, jin, jampi atau mantera.

Oleh itu seseorang yang mengamalkan ayat al-Quran dan doa yang sahih tanpa jampi serapah yang bertentangan dengan syariat, boleh dianggap sebagai perawat *ruqyah* yang diizinkan oleh syarak.

Jemaah yang mendapat lindungan Ilahi

Selain ahli sihir, terdapat bomoh atau dukun yang menyeleweng tetapi bersembunyi di sebalik watak dan pakaian seolah-olah dia ialah perawat yang mematuhi syarak. Antara yang sering berlaku dan diperingatkan oleh Nabi SAW ialah golongan yang selalu mengaku mengetahui perkara ghaib. Bahaya mendatangi golongan ini digambarkan oleh Nabi SAW melalui dua hadis berikut;

Pertama: Sekadar datang bertanya tanpa mempercayainya, solatnya ditolak selama 40 malam. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً

Maksudnya: "Sesiapa yang menemui tukang tenung, lalu dia bertanya kepadanya tentang sesuatu perkara, maka tidak akan diterima solatnya selama empat puluh malam." (Hadis Riwayat Muslim)

Kedua: Mempercayai kata-kata mereka, dosa lebih berat lagi dan diancam dengan kalimah kafir. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَتَى كَاهِنًا أَوْ عَرَّافًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ

Maksudnya: "Sesiapa yang menemui tukang tenung, lalu dia membenarkan apa yang dikatakannya, maka sesungguhnya dia telah ingkar terhadap apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW." (Hadis riwayat Ahmad)

Mimbar memperingatkan perlunya dijauhi bomoh, dukun dan tukang tilik yang menggunakan sihir dan amalan khurafat sebagai kaedah rawatan. Berjumpa bomoh, dukun dan tukang tilik adalah haram jika mereka mengamalkan enam perkara berikut:

Pertama: mendakwa mengetahui perkara ghaib, atau meramal masa hadapan, atau perbuatan fitnah menuduh atau menamakan orang yang telah melakukan sihir kepada pesakit.

Kedua: menggunakan khidmat jin atau khadam.

Ketiga: membaca mantera atau jampi yang dicampuradukkan dengan ayat al-Quran yang tidak diketahui maknanya.

Keempat: menggunakan tangkal, azimat, ancak, keris pusaka, dan sebagainya untuk tujuan persembahan dan pemujaan.

Kelima: meminta penyembelihan binatang ternakan seperti ayam hitam, kambing, kerbau dan sebagainya untuk tujuan pemujaan selain daripada Allah SWT.

Keenam: melakukan upacara pelik yang tidak mempunyai asas syarak.

Jemaah Rahimakumullah

Sebagai langkah memelihara kemaslahatan umat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menguatkuasakan Akta 775 bermula 1 Mac 2025, iaitu Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016. Di bawah akta ini, semua pengamal pengubatan termasuk pengamal perubatan Islam diwajibkan berdaftar secara rasmi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum dibenarkan menjalankan sebarang bentuk amalan pengubatan.

Sekiranya seseorang pengamal didapati menjalankan amalan tanpa pendaftaran yang sah, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang, boleh didenda sehingga RM50,000 dan penjara 3 tahun. Sebagai langkah penapisan dan pematuhan syariah, setiap pengamal pengubatan Islam yang ingin berdaftar perlu melalui Ujian Saringan Pengukuran Pematuhan Syariah Bagi Pengamal Pengubatan Islam, atau dikenali sebagai Ujian Saringan i-Syifa' yang diuruskan oleh Jabatan Agama Islam negeri.

Semoga Allah SWT menjauhi dan melindungi kita daripada sihir, khurafat, dan segala bentuk penyelewengan akidah, serta mengurniakan kepada kita kekuatan untuk sentiasa bergantung harap sepenuhnya kepada Allah SWT.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ[4] حَمْدًا كَثِيْرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لآ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ[5] وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ! اِتَّقُوْا اللهَ[6] وَكُوْنُوْا مَعَ الصَّادِقِيْنَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,
Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا[7]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ. **اللَّهُمَّ** اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ والْمُؤْمِنَاتِ[8]، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوْبِهِمْ وَاجْعَلْ فِيْ قُلُوْبِهِمُ الْإِيْمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُوْلِ اللهﷺ. **اللَّهُمَّ** أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِيْ فَلَسْطِين، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Kuatkan iman kami, hindari kami daripada terjebak dengan perbuatan syirik dan mungkar; bimbing kami untuk sentiasa bergantung harap kepada Mu dan jauhi keluarga dan zuriat kami daripada perbuatan syirik dan dosa besar.

[4] Memuji Allah
[5] Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW
[6] Pesan Taqwa
[7] Ayat Al-Quran
[8] Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu dan terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana, malapetaka, kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

عِبَادَ اللهِ، ﴿إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ وَإِيتَآئِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوْا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.